

SOKONG PARTI LAWAN: SNAP BERTINDAK

KUCHING, Jumaat — Seorang Naib Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan seorang bekas Setiausaha Agung parti itu adalah antara beberapa orang ahli SNAP yang akan diberi surat meminta penjelasan berikutan dakwaan mereka menyokong calon-calon bebas menentang Barisan Nasional dalam pili-

hanraya umum lalu.

Menurut sumber-sumber, Naib Presiden SNAP, Encik Daniel Tajem dan bekas Setiausaha Agung parti itu, Encik Joseph Mamat Samuel adalah antara mereka yang akan menerima surat berkenaan, yang akan dihantar hari ini.

Tambah sumber-sumber itu, keputusan untuk menghantar surat berkenaan dibuat selepas mesyuarat bulanan parti itu di mana diadakan

post-mortem pilihanraya diadakan.

Encik Tajem, yang juga Timbalan Ketua Menteri dan Encik Samuel dikatakan telah berkecimpung untuk calon-calon bebas di kawasan pilihanraya Parlimen Batang Lupar dan Bintulu.

Dipecat

Datuk Edwin Tangkun, calon yang memperahankan kerusi Batang Lupar dipecat dari SNAP bila beliau mencentang calon BN, Encik Wellington Rufus Nanang, memenangi

kerusi tersebut sebagai calon bebas.

Bagaimanapun, di Bintulu, calon BN, Encik Ting Liong Kiew berjaya mengalahkan tiga calon bebas. Encik Julaihi Hanafi, Stephen Randi Sekalini dan Hu Long Kong.

Setakat ini SNAP memecat bekas Timbalan Menteri Pertanian, Encik Edmund Langu dan Datuk Edwin Tangkun, yang dicap sebagai "pengkhianat" kerana menentang calon BN dalam pilihanraya lalu.

Presiden SNAP, Datuk James Wong enggan mengesahkan penghantaran surat-surat berkenaan kepada Encik Tajem dan Encik Samuel.

Bagaimanapun, katanya, terdapat beberapa aduan daripada ahli dan pemimpin parti bahawa setengah-setengah ahli-ahli SNAP telah menyokong calon bebas secara terbuka dalam pilihanraya lalu.

Bellau mengesahkan Jawatankuasa Kerja Pusat sedang menyalasat aduan berkenaan dan surat telah dihantar kepada setengah-setengah ahli meminta mereka menjelaskan sama ada aduan itu benar. Jika mereka mengaku, tidak ada pilihan lain melainkan memecat mereka sebagai menaikan perjanjian yang telah ditandatangani.

Perjanjian

Katanya, perjanjian berkenaan ditandatangani oleh Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Taib Mahmud selaku Presiden Parti Pesaka Bumiputera, Datuk Amar Stephen Yong, Setiausaha SUPP dan bellau sendiri pada 30 Mac lalu.

Bahagian ketiga perjanjian itu menyebut bahawa "mana-mana ahli parti komponen BN yang secara aktif menyokong mana-mana calon yang menentang dari parti komponen BN berkenaan."

Datuk Wong berkata, ahli-ahli Parlimen BN diberi surat kuasa untuk bertanding sebagai calon BN oleh Perdana Menteri dan semua ahli parti komponen BN diwajibkan menyokong calon berkenaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia